

11/06/2003

Suu Kyi harus dibebaskan bukan melalui tekanan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Malaysia mahu ketua pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi dibebaskan, ia bukan melalui tekanan dan sekatan.

"Kita sudah menyatakan pandangan bahawa kita mahu melihat Aung San Suu Kyi dibebaskan secepat mungkin. Itu adalah pandangan kita. Mengenai tekanan, saya tidak tahu sama ada kita boleh mengenakan sekatan.

"Kita tidak terbabit dalam tindakan seperti itu," kata Perdana Menteri selepas sesi terakhir Dialog Bajet 2004 di Perbendaharaan di sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai pertemuan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail dan Suu Kyi semalam.

Razali dilaporkan menemui Suu Kyi selama kira-kira sejam di ibu pejabat tentera di Yangon dan Suu Kyi dikatakan tidak cedera dan berada dalam keadaan baik.

Kebimbangan masyarakat antarabangsa mengenai kesihatan dan keadaan Suu Kyi meningkat sejak penahanannya 30 Mei lalu selepas kekacauan tercetus di utara negara itu yang menyebabkan empat terbunuh.

Keadaan pemimpin Liga Demokratik Kebangsaan (NLD) itu dikatakan baik tanpa kecederaan. Razali dihantar ke Myanmar bagi menguruskan pembebasan Suu Kyi.

Perdana Menteri yang ditanya sama ada keadaan di Myanmar itu akan menjejaskan hubungan antara anggota Asean, Dr Mahathir berkata: "Ia mungkin sedikit memberi kesan kepada Asean."

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut ditanya sama ada beliau sudah memutuskan pengganti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Menteri Pengangkutan.

"Insya-Allah mudah-mudahan kalau tiada aral kita akan lantik. Saya terpaksa berunding dengan media. Ada antara wartawan yang berminat bagi tahu," jawabnya berseloroh.

Dr Mahathir juga menjelaskan, beliau tidak menyatakan akan mengumumkan nama pengganti Dr Ling sebaik pulang ke Malaysia dari lawatannya ke luar negara.

"Ya saya sudah balik tetapi saya tidak kata sebaik pulang atau tiga hari selepas pulang. Saya hanya kata bila saya balik, sekarang saya dah balik," katanya.